

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB LAKSAMANA PERTAMA  
MOHAMAD IMRAN BIN ABD  
HAMID (B)  
(LUMUT)**

**TARIKH : 10.11.2014  
(ISNIN)**

**SOALAN:**

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan kenapa keputusan menganalisis darah sangat lewat tetapi tidak mahu menggunakan khidmat "**PATHLAB GURIBBLES**" untuk mendapat keputusan cepat dan memberikan keselesaan doktor pakar memberi rawatan yang sempurna manakala keputusan analisis dari Hospital Tengku Mizan pula kerap berlaku kelewatan.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Perkhidmatan Kesihatan Angkatan Tentera (PKAT) telah mengadakan perkhidmatan makmal berpusat di Hospital AT Tuanku Mizan (*centralized lab services*) bagi pencapaian (*accessibility*) kesemua unit memandangkan pada masa ini hanya terdapat 2 orang Pakar Patologi di dalam PKAT.

Kementerian Pertahanan telah membelanjakan sejumlah peruntukan untuk membangunkan perkhidmatan makmal untuk keseluruhan PKAT. Kementerian Pertahanan akan memaksimumkan penggunaan perkhidmatan tersebut walaupun terdapat sebilangan kecil kes yang mana keputusan diterima lewat akibat masalah teknikal seperti perkhidmatan penghantaran dan sebagainya. Proses peningkatan dan penambahbaikan perkhidmatan yang berterusan dibuat untuk memberi perkhidmatan terbaik kepada semua pelanggan PKAT.